

**SOALAN NO. : NO. 407**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN

**DARIPADA** : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]

**SOALAN** :

**Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan di dalam projek perlombongan dan pembinaan kilang pemprosesan silika kualiti tinggi di kawasan Bari, Setiu, apakah penemuan kajian laporan alam sekitar (EIA) tentang "impact" kesan sampingan kepada "Setiu Wetlands" khususnya dan industri pelancongan tempatan amnya.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Proposed Silica Sand Mining And Beneficiation Plant At Kg. Bari, Setiu, Terengganu* oleh *Terengganu Silica Consortium Sdn. Bhd.* telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) pada 19 Mei 2014.

Berdasarkan penemuan Laporan EIA, projek ini tidak berpotensi memberikan impak yang signifikan kepada *Setiu Wetlands* khususnya dan industri pelancongan tempatan amnya. Langkah-langkah kawalan yang dicadangkan berupaya mengurangkan impak ke atas alam sekitar.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan menjalankan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan sebarang ketidakpatuhan akan diambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sekian terima kasih.